

Malaysia undur tentera dari Somalia

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman

AYER HITAM (Kedah), Ahad - Malaysia akan menarik balik anggota Batalion Malaysia (Malbatt) yang bertugas sebagai Pasukan Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Somalia (Unosom II), akhir tahun ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu dibuat selepas kerajaan mendapati kehadiran mereka di Somalia tidak memberi sebarang kesan terhadap usaha mencari perdamaian di negara Afrika itu.

Bagaimanapun, katanya, keputusan itu tidak ada kaitan dengan kematian anggota Malbatt yang bertugas di sana, sama ada kerana kemalangan atau pertempuran.

"Pasukan negara lain juga turut mengundurkan anggota mereka dan kita tidak boleh berada di sana untuk melakukan tugas yang sebenarnya memerlukan jumlah bilangan anggota yang ramai kerana bilangan anggota kita kecil," katanya kepada pemberita selepas menziarahi keluarga Trooper Azehar Shuib, iaitu anggota Gerak Khas Batalion Malaysia (Malbatt III) yang meninggal dunia dalam kemalangan di Somalia, Isnin lalu.

Turut sama menziarahi keluarga Azehar di Kampung Gerbi, Pida Enam, di sini ialah Menteri Besar Perlis Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh dan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Tanjung, Datuk Hanafi Ramli.

Dr Mahathir berkata, keputusan itu tidak bercanggah dengan pendirian awal negara sebelum ini untuk membantu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendamaikan puak yang terabit dalam perang saudara itu.

Malaysia memang berhasrat membantu negara yang menghadapi masalah, termasuk negara bukan Islam.

Menurutnya, masalah di Somalia ialah perang saudara akibat tamakkan kuasa sehingga sanggup membunuh sesama sendiri.

"Tujuan kita ke sana bukan untuk membabitkan diri dalam perang saudara tetapi membantu mereka, termasuk memastikan makanan yang diantar dari luar sampai kepada penduduk yang daif akibat peperangan.

"Tetapi sekarang kita nampak macam tidak berupaya membantu keadaan di sana," katanya.

Ditanya sama ada keputusan itu sudah dimaklumkan kepada PBB, Dr Mahathir berkata Malaysia sudah beberapa kali memaklumkan pandangan negara terhadap cara dan kegagalan badan dunia itu menangani masalah antarabangsa.

Beliau telah menulis surat berhubung perkara itu kepada Setiausaha Agung PBB, Boutros Boutros-Ghali serta semua ketua kerajaan yang berkaitan.

Beliau juga beberapa kali mengutus surat kepada Perdana Menteri Britain, Perancis dan Presiden Ameri-

LIHAT MUKA 2

Malbatt undur dari Somalia

DARI MUKA 1

ka Syarikat, Bill Clinton.

"Bagaimanapun, cuma Clinton lebih menerima pandangan kita. Britain dan Perancis langsung tidak sanggup meletakkan pasukannya dalam keadaan risiko (sebagai tentera pengaman).

"Itu kita tidak kisah tetapi tidak boleh menerima jika rakyat Bosnia dibiarkan menanggung risiko dengan tidak memberi mereka senjata untuk mempertahankan diri.

"Saya tidak faham mengenai mereka yang sering menyebut soal hak asasi manusia," katanya.

Kepada soalan sama ada keadaan di Somalia menunjukkan kegagalan PBB melaksanakan tanggungjawabnya, Perdana Menteri berkata:

"Saya percaya PBB tidak begitu tegas dalam perkara ini. Apabila askar mereka terbunuh, mereka tarik diri. Begitu juga di Rwanda.

"Apabila berlaku peperangan mereka tarik diri sehingga 500,000 rakyat Rwanda terbunuh. Kita kurang senang dengan tindakan sedemikian.

"Kalau tidak boleh buat janganlah cakap banyak."

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak bercadang menarik keluar pasukan pengaman negara yang sedang berkhidmat dengan Pasukan Pelindungan PBB di Bosnia-Herzegovina (Unprofor).

Menurutnya, Perdana Menteri Bosnia Herzegovina, Dr Haris Silajdzic dan Perdana Menteri Croatia, Nikica Valentic, yang melawat negara ini baru-baru ini meminta Malaysia tidak mengundurkan tentera pengaman dari negara bekas Yugoslavia itu.